

Pengeluar Perabot Malaysia Dapat Sambutan Dalam Ruang Perniagaan Dalam Talian China

Bernama

5 Mac, 2014

Oleh Jason Tan Lin King

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Meskipun persaingan sengit dalam ruang perniagaan runcit dalam talian China, sebuah syarikat pengeluar perabot Malaysia menyaksikan produknya dalam senarai produk terlaris dalam Jingdong Mall dan Tmall, dua peruncit dalam talian utama China, sejak Julai tahun lepas.

"Kami tidak menjangka hasilnya sebegini memandangkan kami memasuki China pada tahun 2011," kata Pengarah Urusan Artwelz Furniture Sdn Bhd Eddy Kwok.

Syarikat itu, yang menghasilkan beberapa jenama perabot termasuk "Funature" dan "Furinno", menerima 60,000 tempahan dalam talian pada Okt 1 semasa Hari Kebangsaan China tahun lepas.

Syarikat kecil biasanya akan mengurangkan tempahan atau gagal untuk memenuhinya semasa menerima pesanan dalam jumlah yang banyak kerana sistem inventori mereka tidak dapat menampung permintaan yang tinggi, terutamanya apabila terikat dengan keperluan peruncit dalam talian untuk menyerahkan barang-barang dalam tempoh 48 jam.

Bagaimanapun Artwelz berjaya memenuhi pesanan berkenaan tanpa sebarang masalah kerana mempunyai pengalaman sebelum ini di Amerika Syarikat.

Syarikat berada dalam talian di Amerika Syarikat sejak 2004, kata Kwok kepada Bernama di luar acara Pameran Perabot Antarabangsa Malaysia (MIFF) 2014 di sini.

Artwelz antara 500 peserta pameran tempatan dan antarabangsa MIFF.

Di Amerika Syarikat, tempahan Artwelz pada masa perayaan seperti hari Natal dan tahun baru dengan mudah boleh mencecah 40,000 produk sehari.

Sejak itu, syarikat telah membangunkan aliran kerja yang lancar dari mengambil pesanan, pengurusan inventori hingga pergudangan dan penghantaran, untuk memenuhi permintaan pelanggan.

"Pengetahuan di AS banyak membantu kami apabila kami berkembang ke China," kata Kwok.

Walaupun China terkenal dengan industri pengeluaran perabot kos rendah, Artwelz memutuskan untuk menembusi pasaran negara itu selepas bertapak di Amerika Syarikat.

"Kami menjangka trend membeli dalam talian akan berkembang pesat di China dan pelanggan akan berminat untuk membeli perabot di ruang siber," kata Kwok.

Dan jangkaan itu telah terbukti berhasil.

Artwelz menjangka jumlah perolehan melonjak kepada US\$50 juta tahun ini, daripada US\$40 juta pada 2013.

Keyakinan itu boleh dikaitkan dengan momentum kukuh dari China, di mana Kwok

menganggarkan sumbangannya kepada jumlah hasil akan meningkat kepada lebih 50 peratus tahun ini, daripada 30 peratus pada 2013.

MIFF yang berlangsung selama lima hari mulai 4 Mac, meraikan ulang tahunnya ke-20 tahun ini dan kini berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra serta Pusat Pameran dan Konvensyen Matrade.

Pameran berkenaan menempatkan lebih 500 peserta pameran antarabangsa dan tempatan, dan dijangka menarik kira-kira 20,000 pembeli dan pelawat perdagangan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019361>